

Felda akan buang penyebarkan ajaran salah

13 AUG 1985

KUALA LUMPUR, Isnin — Felda tidak teragak-agak menyingkir mana-mana pihak, sama ada dari luar atau dalam rancangan tanahnya, yang didapati terbabat dengan kegiatan yang boleh menjejaskan kehidupan peneroka, termasuk menyebarkan ajaran salah.

Menteri Kemajuan Tanah dan Wilayah, Datuk Seri Mohd Adib Adam, berkata Seksyen 9 Peraturan Felda amat luas pengertiannya bagi memastikan tidak berlakunya unsur-unsur negatif di kalangan peneroka.

Berikutan itu, beliau mengarahkan Pegawai Pegawai Pembangunan Peneroka di tanah rancangan Felda supaya memainkan fungsi mereka dengan lebih berkesan di samping kerjasama pihak berkuasa, terutama Jabatan Agama.

Datuk Seri Mohd Adib berkata demikian sewaktu mengulas kejadian meminum racun kerana ajaran batin di Johor minggu lalu, selepas merasmikan mesyuarat lembaga pengarah Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (Kejora), di sini hari ini.

Beliau berkata, kejadian yang berlaku di Felda Air Tawar Satu, Kota Tinggi itu adalah penyelewengan akidah yang tidak seharusnya berlaku di kalangan umat Islam.

"Apalagi di kalangan peneroka Felda sendiri yang telah menikmati kesenangan hidup dan mampu mendapatkan ajaran agama yang lebih sempurna di samping kemudahan beragama yang disediakan," tegasnya.

Menurutnya, timbulnya kejadian seumpama itu disebabkan kekosongan kegiatan di rancangan-rancangan tanah

bagi memenuhi tuntutan generasi kedua.

Kementerian, katanya, sedang mengkaji bentuk komunikasi pembangunan yang perlu bagi mengisi kekosongan itu dengan menitikberatkan pembangunan manusia dan budaya, di samping pembangunan sosioekonomi. **B. Harian (M)**

"Sebagai langkah jangka panjang, kita sedang memperkukuhkan fungsi Unit Latihan dan Pengembangan dengan menyediakan Pegawai Pembangunan Penempatan terlatih yang peka dengan kehendak generasi kedua."

Pusat Islam akan kaji ajaran ilmu kebatinan

MELAKA, Selasa — Pusat Penyelidikan Islam akan mengkaji kejadian ajaran ilmu kebatinan di Felda Air Tawar Satu, Johor, yang menyebabkan kematian seorang pemuda setelah dikatakan meminum racun rumpai dalam upacara tamat latihannya, kata Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator Datuk **(Dr Yusof Nor.)** **14 AUG 1985**

Katanya, kajian itu akan meneliti cara pengajaran ilmu kebatinan di rancangan berkenaan dan Kementerian Dalam Negeri akan disyor mengambil tindakan sewajarnya jika ia didapati membahayakan. **B. Harian (M)**

Akidah

Bercakap kepada pemberita selepas mengadakan perjumpaan dengan guru-guru fardu ain di bilik gerakan negeri di sini hari ini, Senator Dr Yusof Nor, berkata pusat berkenaan memang mempunyai senarai kegiatan-kegiatan berbahaya yang memesongkan akidah Islam yang telah dilaporkan kepada Kementerian Dalam Negeri.

Dalam kejadian yang berlaku minggu lalu, seorang pemuda berusia 20 tahun, Abdul Ghani Aziz meninggal dunia setelah dikatakan meminum racun rumpai dalam upacara tamat latihan dan tiga orang dirawat di Hospital Daerah Kota Tinggi. — Bernama